

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA**

**PERASMIAN SISTEM PRASARANA KOMUNITI PINTAR**

**KAMPUNG PADANG RUMBIA  
PEKAN  
PAHANG DARUL MAKMUR**

**SABTU, 23 JANUARI 2016**

---

**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK**  
Perdana Menteri Malaysia

**YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN HAJI YAAKOB**  
Menteri Besar Pahang

**YBHG DATO' SRI DR NOORULAINUR MOHD. NUR**  
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

**YB TUAN MOHAMMAD FAKHRUDDIN MOHD ARIFF**  
ADUN Bebar

**YBHG DATUK WIRA OMAR KASEH**  
Pengerusi, MIMOS Berhad

**YBHG DATUK ABDUL WAHAB ABDULLAH**  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, MIMOS Berhad

Para tetamu kehormat  
Warga Kampung Padang Rumbia  
Tuan-puan, hadirin-hadirat sekalian

Pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan **mengalu-alukan kehadiran YAB Perdana Menteri** Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak ke Majlis Perasmian Sistem Prasarana Komuniti Pintar Kampung Padang Rumbia pada pagi ini.

2. Berbanyak **terima kasih juga kepada YAB Menteri Besar Pahang** Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, **YB ADUN Bebar** Encik Fakhruddin dan para **ketua masyarakat** atas kehadiran dan sokongan anda semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

3. MOSTI menyahut seruan Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri untuk terus **memperjuang agenda Sains Teknologi dan Inovasi (STI) selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi dan juga maju sains** (*scientifically advanced nation*) menjelang 2020. Oleh itu banyak program berteraskan STI telah diatur setiap tahun dalam menyemarakkan agenda ini di seluruh negara.

4. Pada tahun lalu, MOSTI telah melancarkan **program Inovasi Sosial (MOSTI Social Innovation atau MSI)** yang menjurus kepada aktiviti-aktiviti STI secara jangkau luar (*outreach*) ke kawasan luar bandar. **Aktiviti MSI meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea – sama ada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial**, atau dengan kata lain – projek-projek yang membawa manfaat dan kesejahteraan rakyat sehingga ke peringkat akar umbi.

5. Sukacita saya maklumkan bahawa sebanyak **101 projek** bernilai **RM14 juta** telah diluluskan di bawah MSI pada tahun 2015. Ini termasuklah projek **Sistem Prasarana Komuniti Pintar**, atau ***intelligent community*** dengan nama ringkasnya **iComm** yang akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri sebentar lagi.
6. Projek iComm ini **dibangunkan oleh MIMOS**, iaitu agensi di bawah MOSTI yang bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Untuk makluman para hadirin, **iComm adalah satu-satunya projek seumpamanya di rantau ini**.
7. Sesuai dengan matlamat **Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016** yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan bajet Oktober lalu, **MOSTI berharap produk dan perkhidmatan teknologi buatan Malaysia ini dapat dimaju dan dikomersialkan** sama ada oleh agensi kerajaan atau sektor swasta,
8. Untuk pengetahuan YAB Dato' Sri Perdana Menteri, aplikasi **iComm Kampung Padang Rumbia** kini telahpun mula digunakan secara aktif sejak dua bulan yang lalu dan capaian Internet percuma sudahpun dimanfaatkan oleh penduduk kampung ini.
9. Selain daripada **capaian Internet** dan **10 buah kamera CCTV keselamatan yang dipasang di lokasi strategik**, penduduk Kampung Padang Rumbia juga boleh mendapat manfaat **daripada keupayaan pemantauan jarak jauh secara tepat masa (real-time remote monitoring)**.

10. Paling utama, sistem prasarana ini **menyediakan platform bagi komunikasi komuniti yang cekap, berkesan dan tidak melibatkan perbelanjaan yang mahal kerana semuanya dapat dilakukan dengan percuma melalui telefon pintar.**
11. Ringkasnya, Projek iComm ini dijangka dapat meningkatkan kehidupan penduduk Kampung Padang Rumbia ke satu taraf yang lebih baik. **Apabila ada “mata” yang memantau paras air sungai, persekitaran dan keselamatan, tentunya kita akan rasa lebih tenang dan selamat.**
12. Kementerian akan terus **memastikan kerja-kerja R&D bagi sistem ini sentiasa berjalan**, dan kami akan terus memberikan kerjasama padu kepada MIMOS dalam **kerja-kerja penambahbaikan sistem** ini untuk memastikan pengguna sasarnya, iaitu komuniti desa, mendapat manfaat seperti yang dihasratkan.
13. Untuk fasa MSI seterusnya nanti, **MOSTI merancang untuk menjangkau ke lebih banyak kawasan luar bandar, terutamanya yang berpotensi dilanda bencana alam, dan juga kawasan yang dirasakan perlu dibantu dari aspek komunikasi setempat.** Kami berharap dapat menambah baik sistem ini dengan memasukkan elemen atau keupayaan baharu di samping memperkaya keupayaan yang sedia ada.
14. Saya ingin mengucapkan **tahniah dan “selamat maju jaya”** kepada penduduk Kampung Padang Rumbia khasnya. Saya yakin sistem ini akan membawa satu perubahan yang tuan-tuan dan puan-puan akan hargai pada jangka panjang mahupun dalam masa terdekat.

15. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas sokongan padu yang diberikan, dan kesudian menyempurnakan majlis pada hari ini. Berbanyak terima kasih juga kepada YAB Menteri Besar dan semua pihak serta individu atas sumbangan berharga dan kerjasama dalam menjayakan projek ini.

Terima kasih.